	SK Biak, Dabong			1	Telaga berkedalaman 100 m dengan anggaran kadar luahan 0.8 m^3/jam. Depth of well 100 m, and an estimated discharge of 0.8 m^3/hour.
	JPS Gua Musang			1	Telaga berkedalaman 54 m. Test well with depth of 54 m.
	Stesen Hujan dan Aras Air Sg. Belatop, Lojing			1	Telaga berkedalaman 100 m dengan anggaran kadar luahan 1.6 m^3/jam. Depth of well 100 m, and an estimated discharge of 1.6 m^3/hour.
	Stesen Hujan dan Aras Air Sg. Belatop, Lojing			1	Telaga berkedalaman 100 m dengan anggaran kadar luahan 1.6 m^3/jam. Depth of well 100 m, and an estimated discharge of 1.6 m^3/hour.
Jumlah / Total:		14	47	28	

TE* / EW* = Telaga Eksplorasi / Exploration Well
TP* / PW* = Telaga Pengeluaran / Production Well
TM* / MW* = Telaga Pemantauan / Monitoring Well

Perkhidmatan pembangunan air bawah tanah oleh Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Groundwater development service by Technical Services Division

Negeri State	Lokasi Location	Bil. Telaga No. of wells	Aktiviti Activity	Catatan Remarks
Perak	Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk (SABDA)	1	Penggerudian telaga pengeluaran. Production well drilling.	Kadar luahan air yang diperoleh adalah 60,000 gelen sejam dan dapat dimanfatkan kira-kira 9,000 orang penduduk The discharge rate is 60,000 gallons per hour and can be used for about 9,000 people.

Penggerudian dan pembinaan telaga di kawasan kebakaran tanah gambut
Drilling and construction of wells in fire prone peat area

Negeri State	Lokasi Location	Luahan telaga (m^3/jam) Yield (m^3/hour)	Kedalaman Depth (m)	Catatan Remarks
Sabah	Kg. Lumat, Beaufort	10	50	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
	Kg. Binsuluk, Kuala Penyu	15	27	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Selangor	Kg.Belankan, Kompatmen 27, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan.	70	100	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
	Kg. Tumbok, Kompatmen 24, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan	70	100	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Johor	Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing	25.14	100	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Pahang	Tapak semaian Jabatan Perhutanan, Hutan Simpan Bkt. Bangkong, Sg. Miang, Pekan	151	46	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Terengganu	Kawasan Perindustrian Batu Tujuh, Dungun	90.1	46	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Terengganu	RTB Paya Gong Pasir, Dungun	39.7	66	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.
Kelantan	FELCRA Beris Lalang	120	60	Semua telaga tersedia digunakan bagi mengawal kebakaran. All the wells were ready for use to control peat fire.

Projek khas bekalan air
Water supply special project

Negeri State	Lokasi Location	Projek Project	Sumber Kewangan Fund Source	Catatan Remarks
Selangor	Klinik Kesihatan Beranang.	SPATR	Pembangunan Sumber Air BawahTanah Negara (Water Stress)	Pembinaan telaga pengeluaran dan sistem rawatan air ini telah memberi manfaat kepada 500-1000 orang. Production well dan water treatment system have been developed to supply water approximately 500-1000 people.
	Kolej Mara Banting	SPATR	Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah Negara (Water Stress)	Pembinaan telaga pengeluaran dan sistem rawatan air ini telah memberi manfaat kepada 1000-2000 orang. Production well dan water treatment system have been developed to supply water approximately 1000-2000 people.
	Maahad Tahfiz Alhaabah	SPATR	Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah Negara (Water Stress)	Pembinaan telaga pengeluaran dan sistem rawatan air ini telah memberi manfaat kepada 200-300 orang. Production well dan water treatment system have been developed to supply water approximately 200-300 people.
	Masjid Al Hasanah Bangi	SPATR	Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah Negara (Water Stress)	Pembinaan telaga pengeluaran dan sistem rawatan air ini telah memberi manfaat kepada 1000-2000 orang. Production well dan water treatment system have been developed to supply water approximately 1000-2000 people.

Senarai Bekalan Air Luar Bandar Sistem Alternatif 2017
List of Rural Water Supply Projects – Alternative System 2017

Negeri State	Kawasan Area	Skop Projek Project Scope	Bilangan Kampung (No. of villages)	Catatan (Remarks)
Sarawak	Rh Achang, Muding Danau, Pantu, Simunjan	Air Graviti	1	Selesai menjalankan kerja-kerja pembinaan empangan dan penyambungan paip terus ke rumah panjang. Completion of dam and pipe installation to long house.
	Rh Nunying, Nanga Bulo, Ulu Kanowit.	Air Graviti	1	Selesai menjalankan kerja-kerja pembinaan empangan dan penyambungan paip terus ke rumah panjang. Completion of dam and pipe installation to long house.
	Rh Guyu, Nanga Bulo, Ulu Kanowit.	Air Graviti	1	Selesai menjalankan kerja-kerja pembinaan empangan dan penyambungan paip terus ke rumah panjang. Completion of dam and pipe installation to long house.
	Rh Amba, Nanga Bulo, Ulu Kanowit	Air Graviti	1	Selesai menjalankan kerja-kerja pembinaan empangan dan penyambungan paip terus ke rumah panjang. Completion of dam and pipe installation to long house.

Program pemantauan air bawah tanah
Groundwater monitoring programme

Negeri State	Bil. telaga dipantau No. of well monitored	Catatan Remarks
Sarawak	23	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sekali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted once a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Sabah	119	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sekali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted once a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Perlis	1	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Kedah	32	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Pulau Pinang	2	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Perak	48	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Selangor	70	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Negeri Sembilan	35	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Melaka	12	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.

Johor	43	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme has been conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Pahang	32	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sebanyak dua kali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring programme was conducted twice a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Terengganu	67	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sekali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring was conducted once a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Kelantan	102	Program pemantauan air bawah tanah telah dijalankan sekali setahun. Tiada perubahan ketara berlaku terhadap paras air bawah tanah dan kualiti air. Groundwater monitoring was conducted once a year. No significant changes were recorded in the water level and its quality.
Jumlah / Total:	587	



Pembangunan Air Bawah Tanah 2017
Groundwater Development 2017

Pemantauan Air Bawah Tanah 2017
Groundwater Monitoring 2017

Persampelan sedimen dasar sungai di Sg. Wariu, Kota Belud.
Riverbed sampling in Sg. Wariu, Kota Belud.

Kerja-kerja penggerudian dan pembinaan telaga eksplorasi di Kg. Suang Punggur, Kota Belud.
Drilling and exploration well development in Kg. Suang Punggur, Kota Belud.

Penggerudian dan pembinaan telaga tiub di Kg. Tangkol, Kota Marudu.
Drilling and construction of tube well at Kg. Tangkol, Kota Marudu.

Telaga pengeluaran bagi kegunaan domestik di Kg. Buau, Pulau Pemanggil Johor.
Production well for domestic purpose at Kg. Buau, Pulau Pemanggil, Johor.

Kerja-kerja pemantauan paras air dan kualiti air bawah tanah di sekitar daerah Kota Belud.
Monitoring groundwater level and water quality at Kota Belud District.

Pemasangan dan pengujian pam selam baru untuk telaga air bawah tanah di Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk (SABDA).
Installation and testing of new submersible pump for groundwater well at Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk (SABDA).

Kerja-kerja pembinaan telaga pengeluaran sedalam 100 m oleh Bahagian Perkhidmatan Teknikal di Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk (SABDA).
Well construction work with 100 m depth by the Technical Services Division at Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk (SABDA).

Geologi Kejuruteraan

Pembangunan negara yang pesat telah menyebabkan kawasan yang sesuai untuk pembangunan semakin terhad mengakibatkan kawasan sensitif alam sekitar dan sensitif geologi dibuka seperti kawasan tanah tinggi dan tanah gambut bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2017, pemetaan geologi kejuruteraan kawasan gambut dan tanih lembut telah dijalankan di kawasan Mukah dan Miri, Sarawak yang melibatkan penggerudian sebanyak 189 lubang gerimit. Jabatan turut dipertanggungjawabkan melakukan siasatan geobencana yang berlaku di seluruh negara. Sejumlah 17 lokasi kejadian geobencana telah di siasat melibatkan bencana seperti runtuhan tebing sungai, aliran debris, rayapan tanah, kegagalan cerun, lubang benam dan runtuhan tembok penahan. Hasil siasatan geo bencana dapat mengenal pasti faktor-faktor geologi yang menyumbang kepada kejadian geobencana. Selanjutnya langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang bersesuaian dapat dicadangkan kepada agensi yang berkaitan.

Engineering Geology

The rapid pace of development has resulted in the corresponding decrease of suitable areas for development and now it is encroaching into areas classified as environmental sensitive and geology sensitive such as hill and peat or soft soil areas. Therefore, the department has taken proactive steps by conducting a geological mapping of peat and soft soil engineering in Mukah and Miri areas of Sarawak, involving 189 augering holes. The information obtained from these mapping activities were widely used for land use planning by other local authorities. The department also responsible to conduct geohazard investigations all over the country. A total of 17 geohazard sites have been investigated involving various geohazard incidents such as landslide at river bank, debris flow, soil creep, slope failure, sinkhole and collapse of retaining walls. The results of geohazard investigations will identify geological factors that contribute to the disaster. Furthermore, appropriate mitigation and princidentive measures may be recommended to the relevant agency.

Pemetaan geologi kejuruteraan kawasan gambut dan tanih lembut
Engineering geological mapping in peat and soft soil areas

Negeri State	Kawasan Area	Jenis Pemetaan Type of Mapping	Liputan Coverage (km^2)	Catatan Remarks
Sarawak	Petian, Mukah	Pemetaan Tanah Gambut Peat soil mapping	16	Sebanyak 80 Lubang gerimit telah disiapkan dengan sela 500m A total of 80 hand auger were completed with spacing of 500 m
	Vista Perdana, Miri	Pemetaan Tanah Gambut Peat soil mapping	22	Sebanyak 109 Lubang gerimit telah disiapkan dengan sela 500m A total of 109 hand auger were completed with spacing of 500 m
Jumlah Liputan / Total Coverage:			38	

Siasatan geobencana
Geohazard investigation

Negeri State	Lokasi Area	Jenis Bencana Type of Hazard	Catatan Remarks
Sarawak	Bukit Song, Jalan Miri-Bintulu	Tanah runtuh Landslide	Kejadian yang berlaku selepas hujan lebat dan dipengaruhi oleh sesar dan perlapisan. Landslide incident happened due to heavy rainfall and the slope is controlled by fault and bedding structure
	Tebing sungai Kuala Tutoh, Baram	Tebing sungai runtuh River bank landslide	Tebing runtuh selepas hujan lebat dan dipengaruhi oleh banjir. River bank collpased due to heavy rainfall and flood
Sabah	Sen Fu Oil Palm Plantation, Tibow, Ulu Tongod	Aliran Debris Debris flow	Aliran debris yang mengangkut bahan lumpur, pokok-pokok besar dan blok-blok batuan hingga menyebabkan kematian 8 orang. Debris flow transporting mud, huge trees and blocks of rocks causing the death of 8 civilians
	Jawala Plantation, Sapulut	Rayapan tanah Soil creep	Jalan raya rosak dan terangkat. Road damaged and warping
P.Pinang	Taman Fettes, Tanjung Bungah	Tembok penahan runtuh Retaining wall failure	Siasatan kejadian kegagalan tembok penahan yang berlaku di taman perumahan. Investigation of retaining wall failure incident at residential area.
	Lorong Lembah Permai 3,Tanjung Bungah	Kegagalan cerun Slope failure	Siasatan kejadian kegagalan cerun potongan yang berlaku di tapak pembinaan. Investigation of slope failure incident at construction site.
	Taman Bevery Hills, Tanjung Bungah	Tembok penahan runtuh Retaining wall failure	Siasatan kejadian kegagalan tembok penahan yang berlaku di tapak pembinaan. Investigation of retaining wall failure incident at construction site.
	Taman Rimba Bukit Mertajam	Kegagalan cerun Slope failure	Siasatan kejadian kegagalan cerun potongan yang berlaku di cerun jalan. Investigation of slope failure incident at road slope.
	Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang	Tanah Runtuh Landslide	Siasatan kejadian tanah runtuh yang berlaku di cerun jalan rintis. Investigation of slope failure incident at earthtrack slope.
Perak	No.25F, Jalan Bunga, Kg. Tengku Hussein Lama, Manjoi, Ipoh	Runtuhan tembok Retaining wall failure	Siasatan kejadian kegagalan tembok penahan yang berlaku di kawasan perumahan. Investigation of retaining wall failure incident at residential area

Wilayah Persekutuan	Ibu Pejabat JUPEM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur	Lubang Benam Sink hole	Siasatan kejadian lubang benam disebabkan oleh kaviti batu kapur dan getaran kuat yang berlaku disekitar kawasan yang berlaku di kawasan perumahan. Investigation of sinkhole incident due to limestone cavity and continuous vibration at the surrounding area. .
Selangor	Pusat Bandar Putra Permai, Seri Kembangan	Tanah Runtuh Landslide	Tanah runtuh pada dinding parit monsoon disebabkan akibat hujan lebat. Monsoon drain wall failure incident due to heavy rainfall.
Negeri Sembilan	Apartment Desa Jaya Villa, Senawang	Mendapan Tanah Subsidence	Siasatan tanah mendap dan mengenalpasti punca kejadian Investigation of subsidence and cause of incident
	Jalan Permai Bandar Seremban, Seremban	Tanah Runtuh Landslide	Siasatan tanah runtuh dan mengenalpasti punca kejadian Investigation of landslide and cause of incident
	Jalan Jelai-Rompin (N20) dan Jalan Bahau-Dangi, Jempol	Lubang Benam Sinkhole	Siasatan lubang benam dan mengenalpasti punca kejadian Investigation of sinkhole and cause of incident
	Tapak Bangunan Cadangan Pasar Besar Seremban Jalan Bukit Kepayang 2, Seremban	Tebing Cerun Runtuh Retaining wall failure	Siasatan tebing penahan cerun runtuh dan mengenalpasti punca kejadian Investigation of retaining wall failure and cause of incident
Pahang	Empangan Perting, Bentong	Lubang benam Sink hole	Siasatan lubang benam dan mengenalpasti punca kejadian Investigation of sinkhole and cause of incident



Aktiviti Geologi Kejuruteraan 2017
Engineering Geology Activities 2017

Jalan rosak akibat tanah runtuh di sepanjang Jalan Pan Borneo, Bukit Song, Lambir,Miri, Sarawak

Road damaged due to landslide along the Pan Borneo trunk Road, at Bukit Song, Lambir, Miri, Sarawak.

Lawatan lapangan berkaitan kejadian runtuhan tembok di No.25F, Jalan Bunga, Kg. Tengku Hussein Lama, Manjoi, Ipoh.

Field visit on the collapsed wall at No.25F, Jalan Bunga, Kg. Tengku Hussein Lama, Manjoi, Ipoh,

Geologi Alam Sekitar

Sejumlah 157 ulasan berkaitan EIA dalam pelbagai sector telah dilakukan oleh jabatan sepanjang tahun 2017.

Environmental Geology

A total of 157 technical reviews in various sectors were carried out in the year 2017.

Ulasan laporan penilaian kesan alam sekeliling untuk projek pembangunan
Review of environmental impact assessment reports for development projects

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Sarawak	16	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan projek pembangunan perumahan, infrastruktur, pertanian, perlombongan, pengkuarian dan empangan. Provide advisory services pertaining to the proposed development of housing, infrastructure, agriculture, mining, quarrying and dam.
Perlis	3	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan pelabuhan darat & komersial dan pembangunan pertanian. Provide advisory services for proposed inland port & commersial development and agriculture initiatives.
Kedah	14	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan bercampur, perumahan, tebus guna tanah untuk pembangunan pantai bercampur dan perlombongan pasir laut. Provide advisory services for proposed mixed development, housing, reclamation for beach mixed development and sand mining activity.
P.Pinang	23	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan bercampur, perumahan, hotel, taman pemulihan sumber & pengitaran semula sisa pepejal sektor pembinaan dan perobohan, pembangunan jalan-jalan utama Pulau Pinang, tebus guna tanah untuk pembangunan selatan Pulau Pinang, dan pembangunan pencawang elektrik. Provide advisory services for proposed mixed development, housing, hotel, C& D resources recovery and recycling park, Penang main road development, reclamation and dredging works for the Penang South Reclamation and electric power transmission development.
Perak	5	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan bercampur, resort dan kuari Provide advisory services pertaining on mixed development, resort and quarry
N.Sembilan	8	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan bercampur, perumahan, sampah, infrastruktur system kumbahan, jalanraya dan laluan kabel letrik Provide advisory services pertaining on mixed development, housing, sewerage sistem, road and transmission line
Melaka	1	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembinaan empangan. Provide advisory services pertaining to the dam construction.

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Johor	22	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan Pembangunan bercampur, perumahan, industri, tempat pembuangan sampah, infrastruktur dan pertanian. Provide advisory services pertaining on mixed development, housing, industry, landfill, infrastructure and agriculture.
Pahang	28	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan bercampur, perumahan dan infrastruktur Provide advisory services pertaining on mixed development, housing and infrastructure
Kelantan	37	Menyediakan khidmat nasihat bagi cadangan pembangunan perumahan, infrastruktur, pertanian, perlombongan, pengkuarian dan empangan. Provide advisory services pertaining to the proposed development of housing, infrastructure and agriculture
Jumlah / Total:	157	

Geologi Marin

Pada tahun 2017, Unit Geologi Marin telah melaksanakan kerja-kerja survei geologi marin dalam 4 projek utama iaitu Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa 3 di Perairan Lepas Pantai Pahang dan Johor Timur; Projek e-Science Fund (Kajian Perlombongan Pasir Laut Mapan di Permatang Sedepa dan sekitarnya, Pelabuhan Kelang, Selangor); Projek Kajian Lembangan Sungai Muda dan Sungai Pahang.

Marine Geology

In 2017, Marine Geology Unit had conducted marine geological surveys for four main projects, namely National Offshore Sand Resource Study Phase – 3 in Offshore Pahang and of East Johor; e-Science Fund Project (A Study for the Sustainable Offshore Sand Mining in the One Fathom Bank (OFB) and its Surroundings, Off Port Klang, Selangor); Muda River and Pahang River Basin Study Project.

Survei Geologi Marin
Marine Geological Survey

Kajian Study	Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage km²	Jenis Pemetaan Type of Mapping	Geofizik Geophysics	Sampel Sampling	Analisa Analyses			Catatan Remarks
							Saiz Butiran/ Karbonat/ Organik Grain Size/ Carbonate/ Organic	Geokimia	QME QME	
Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa 3 National Offshore Sand Resource Study Phase – 3	Johor dan Pahang Johore and Pahang	Lepas Pantai Johor Timur dan Pahang Offshore East Johore and Pahang	38,000 km² 38,000 km²	Survei Geofizik Marin Marine Geophysical Survey	2978 garis-km (Batimetri, Sonar Imbasan Sisi, seismik) 2978 line-km Bathymetry, side scan sonar, seismic sub bottom profiler.	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil	
Kajian Perlombongan Pasir Laut Mapan di Permatang Sedepa dan sekitarnya, Pelabuhan Kelang, Selangor A Study for the Sustainable Offshore Sand Mining In the One Fathom Bank (OFB) and its Surrounds, Off Port Klang, Selangor	Selangor Selangor	Lepas Pantai Selangor Offshore Selangor	60 km² 60 km²	Morfologi Dasar Laut Seabed Morphology	Multibeam, Batimetri, Seismik Multibeam, Bathymetry, Seismic sub bottom profiler	45 sampel cekau 45 Grab sampler	45 sampel 45 samples	Tiada Nil	Tiada Nil	Projek eScience Fund MOSTI dengan kerjasama antara Unit Geologi Marin, JMG dengan Pusat Hidrografi Nasional, TLDM, NAHRIM dan UMT. Escience Fund MOSTI Project with collaboration between Marine Geology Unit, JMG and Nasional Hidrography Centre, TLDM, NAHRIM and UMT.

Kajian Study	Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage km²	Jenis Pemetaan Type of Mapping	Geofizik Geophysics	Sampel Sampling	Analisa Analyses			Catatan Remarks
							Saiz Butiran/ Karbonat/ Organik Grain Size/ Carbonate/ Organic	Geokimia	QME QME	
Projek Kajian Lembangan Sungai Muda. Muda River Basin Study Project	Kedah Kedah	Sungai Muda, Kedah Sungai Muda, Kedah.	87 km 87 km	Survei Batimetri, Persampelan cekau dan kualiti air Bathymetry Survey, Grab Sampling and Wter Qquality	Perum- gema Echo-sounder	81 Sampel Cekau 81 grab samples	81 sampel 81 samples	Tiada Nil	Tiada Nil	
Projek Kajian Lembangan Sungai Pahang Pahang River Basin Study Project	Pahang Pahang	Sungai Pahang (dari Paloh Hinai hingga ke Temerloh) Sungai Pahang (from Paloh Hinai to Temerloh)	165 km 165 km	Survei Batimetri, Persampelan cekau, persampelan teras dan kualiti air Bathymetry Survey, Grab Sampling and Water Quality	Perum- gema Echo-sounder	166 sampel cekau 166 grab samples 115 sampel teras 115 core samples	281 sampel 281 samples	Tiada Nil	Tiada Nil	

Khidmat Nasihat Lain

Bilangan Ulasan Permohonan Lesen Melombong Pasir Laut = 31

Bilangan Khidmat nasihat dan Perundingan =10

Bilangan sampel dianalisa oleh Makmal Geologi Marin = 1006

Other Advisory Services

Number of Offshore Sand Mining Licence Application Reviews = 31

Number of advisory and consultancy = 10

Number of sample analysed by Marine Geology Laboratory = 1006

Majlis Pelancaran Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa 3 – Lepas Pantai Pahang dan Johor Timur
Launching ceremony of Survey of National Offshore Sand Resource Study Phase 3 – Offshore Pahang and East Johore.

Sonar imbasan sisi dan boomer sedang diturunkan bagi melaksanakan survei geofizik Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa 3 – Lepas Pantai Pahang dan Johor Timur

Deploying of side scan sonar and boomer for geophysical survey of National Offshore Sand Resource Study Phase 3 – Offshore Pahang and East Johore

Pemasangan peralatan survei seismik bagi Projek E-Science Fund di Permatang Sedepa dan sekitarnya, Pelabuhan Kelang, Selangor.

Installation of seismic survey equipments for the Seismic Survey of E-science Fund Project at One Fathom Bank (OFB) and its Surrounds, Off Port Klang, Selangor.

Kumpulan kerja survei persampelan bagi Projek E-Science Fund di Permatang Sedepa dan sekitarnya, Pelabuhan Kelang, Selangor.

Sediment sampling survey team for E-science Fund Project at One Fathom Bank (OFB) and its Surrounds, Off Port Klang, Selangor.

Khidmat Nasihat Geosains

JMG secara aktif memberi khidmat nasihat perundingan dan khidmat nasihat kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan individu dalam aspek perancangan guna tanah, hidrogeologi, geologi alam sekitar dan geologi kejuruteraan. Jabatan merupakan ahli dalam Jawatankuasa Penggunaan Sumber Air Peringkat Negeri, Jawatankuasa Kelulusan Pembungkusan Sumber Air Semulajadi, Jawatankuasa Pelesenan Sumber Air Bumi. Selain itu jabatan terlibat di dalam beberapa jawatankuasa peringkat negeri berkaitan dengan geobencana, seperti Jawatankuasa Perancangan Negeri, Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar, Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit dan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Geoscience Advisory Services

JMG actively provides consultative and advisory services to government agencies, the private sectors and individuals on aspects regarding land use planning and hydrogeology, environmental geology and engineering geology. JMG also a member of the State Water Consumption Committee, Antural Water Resource Packaging Approving Committee and Groundwater Resource Licensing Committee, State Planning Cmmittee, State Disaster Management Committee, Environmentally Sensitive Area Committee, Highland and Foothill Development Committee and One Stop Centre Committee.

Ulasan pembangunan tanah dan maklumat geosains am
Review of land development and general geosciences information

Negeri State	Jenis Ulasan Type of Review		
	Pusat Setempat One Stop Centre (OSC) (bil. / no.)	Pembangunan guna tanah Land use development (bil. / no.)	Maklumat geosains am General geoscience information (bil. / no.)
Sarawak	2	5	82
Sabah	121	36	52
Perlis	64	18	3
Pulau Pinang	73	25	8
Kedah	376	32	6
Perak	394	0	17
Selangor / WP	3198	0	25
Negeri Sembilan	638	4	43
Melaka	357	1	2
Johor	1087	6	19
Pahang	817	9	15
Terengganu	964	3	0
Kelantan	329	162	44
Jumlah / Total:	8420	301	316

Khidmat nasihat hidrogeologi
Hydrogeology advisory services

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Sarawak	1	Khidmat nasihat bagi Projek River Bank Filteration(RBF) untuk membekal air ke Tg Manis di bawah Lembaga Air Sibu Advisory services to supply water to Tanjung Manis under Sibu water Board for the River Bank Filteration(RBF) project.
Sabah	1	Punca sumber air bawah tanah di Kg. Ulu Kimanis, Papar Groundwater resources at Kg Ulu Kimanis, Papar
Perlis	1	Khidmat nasihat berkaitan potensi air bawah tanah, dan lawatan tapak. Advisory services regarding groundwater potential and site visit.
Kedah	1	Khidmat nasihat berkaitan potensi air bawah tanah, dan lawatan tapak. Menyediakan ulasan teknikal permohonan baru dan pembaharuan perakuan perlesenan air mineral. Advisory services regarding groundwater potential and site visit. Provide technical reviews on new application and renewal of groundwater abstraction licence.
Selangor	238	Ulasan yang diberikan merupakan ulasan teknikal berkenaan permohonan penggunaan air bawah tanah Lembaga Urus Air Selangor,Ulasan permohonan air mineral dan juga permohonan khidmat nasihat teknikal air bawah tanah oleh masyarakat umum.
Negeri Sembilan	23	Menyediakan ullasan teknikal bagi tujuan permohonan baru dan pembaharuan lesen abstraksi air bumi.
Melaka	27	Menyediakan ullasan teknikal bagi tujuan permohonan baru dan pembaharuan lesen abstraksi air bumi.
Johor	13	Berkaitan pencarian potensi air bawah tanah untuk perusahaan air mineral, bekalan air bersih, pertanian, perikanan dan industri. Related to the search for groundwater potential for mineral water companies, clean water supply, agriculture, fishery and industry.
Pahang	2	Khidmat nasihat, lawatan tapak dan ulasan permohonan perakuan perlesenan air mineral daripada syarikat swasta.tempatan. Advisory services, site visits and mineral water licensing certification reviews from local companies.
Terengganu	13	Menyediakan ulasan teknikal dan khidmat nasihat berkaitan potensi sumber air bawah tanah kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan. Provided technical reviews and advisory services on the potential of groundwater sources for government agencies, the private sector and individuals.
Kelantan	15	Khidmat nasihat, lawatan tapak dan ulasan permohonan perakuan perlesenan air mineral daripada syarikat swasta.tempatan. Advisory services, site visits and mineral water licensing certification reviews from local companies.
Jumlah / Total:	335	

Khidmat nasihat geologi kejuruteraan
Engineering geology advisory services

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Sarawak	2	Cadangan pembinaan sekolah baru dan mendapan tanah Proposed construction of new school and land subsidence
Sabah	25	Khidmat nasihat berkaitan cadangan pembangunan kawasan, perancangan kerja tanah, pembukaan tanah, semakan kecerunan serta aspek kesesuaian pembinaan kawasan cadangan pembangunan. Advisory services related to development proposals, land work planning, land clearing, slope study.
Perlis	2	Khidmat nasihat berkaitan geosains untuk cadangan pembangunan kawasan, permohonan kebenaran merancang serta pelan kerja tanah. Advisory services related to geoscience for proposed development area, planning permission application and earthwork plan.
Kedah	5	Khidmat nasihat berkaitan geosains untuk cadangan pembangunan kawasan, permohonan kebenaran merancang serta pelan kerja tanah. Advisory services related to geoscience for proposed development area, planning permission application and earthwork plan.
P.Pinang	11	Khidmat nasihat berkaitan geosains untuk cadangan pembangunan kawasan, permohonan kebenaran merancang serta pelan kerja tanah. Advisory services related to geoscience for proposed development area, planning permission application and earthwork plan.
Johor	1	Masalah cerun sebuah di kawasan kilang di Yong Peng. Slope issue at the factory in Yong Peng.
Pahang	13	Khidmat nasihat berkaitan cadangan pembangunan kawasan, perancangan kerja tanah, pembukaan tanah, semakan kecerunan serta aspek kesesuaian pembinaan kawasan cadangan pembangunan. Advisory services related to development proposals, land work planning, land clearing, slope study.
Jumlah / Total:	59	

Geopark Lembah Kinta

Aktiviti Lombong dan Kuari
Mine and Quarry Activities

Aktiviti Lombong dan Kuari

Kawalseliaan & Penguatkuasaan

Untuk mengekalkan dan meneruskan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, elemen kawalseliaan dan peguatkuasaan perlu dilaksanakan oleh jabatan. Objektif kawalseliaan dan penguatkuasaan adalah untuk menentukan aktiviti perlombongan mineral dan aktiviti berkaitan dijalankan secara selamat, efisien dan memenuhi standard alam sekitar dan amalan kejuruteraan terbaik. Jabatan terus melaksanakan tugasnya dalam bidang penguatkuasaan, pengeluaran lesen dan permit, serta memantau operasi perlombongan dan pengkuarian. Di penghujung Disember 2017, terdapat sebanyak 144 lombong, 399 kuari dan 36 peniaga bijih termasuk loji pemprosesan mineral yang masih beroperasi.

Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari

Pemeriksaan teknikal operasi perlombongan, pengkuarian dan pemprosesan mineral yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat lesen atau kelulusan yang berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan alam sekitar. Jabatan ini juga menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan lapangan yang merupakan sebahagian daripada pra-syarat untuk penyediaan laporan yang berkaitan dengan permohonan tenemen mineral, kelulusan kerja peletupan, aduan dan kejadian kemalangan di lombong atau kuari.

Pada tahun 2017, sebanyak 2952 pemeriksaan teknikal telah dijalankan. Jumlah pemeriksaan pada tahun yang ditinjau adalah 1098 ke atas operasi perlombongan, 1597 ke atas operasi pengkuarian, 12 ke atas kawasan carigali, 151 ke atas kilang amang (hasil samping perlombongan bijih timah) dan loji pemprosesan mineral serta 94 ke atas pemegang lesen bijih mineral dan emas mentah.

Tambahan kepada pengawalseliaan ke atas kerja peletupan yang dijalankan di lombong dan kuari, pihak JMG juga dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menilai serta memantau kerja-kerja peletupan yang dijalankan dalam kawasan pembangunan seperti projek pembangunan perumahan, pembinaan lebuhraya, pembinaan stesen dan syaf bagi MRT. Sebanyak 163 kerja perletupan untuk projek pembangunan telah diperiksa dan dinilai sepanjang tahun ini.

Mine and Quarry Activities

Monitoring & Enforcement

To remain and continues the contribution of mineral sector to the socio-economic development of the nation, element of monitoring and enforcement needs to be carried out by department. The objective of monitoring and enforcement was to ensure the mining, quarrying and related activities were carried out safely, efficiently and conforming best engineering practices and also the compliance of environmental standards. The department continued to discharge its duties in the areas of enforcement, issuance of licences and permits, and also the monitoring of mining and quarrying operations. At the end of December 2017, there were 144 mines, 399 quarries and 36 ore dealers included mineral processing plant still were operating.

Technical Inspection of Mine and Quarry Operations

Technical inspections of mining, quarrying and mineral processing operations were implemented in order to ensure the compliance with the conditions stipulated in the licences or approvals with regard to safety and the protection of the environment. The department also carried out field inspections and investigations, a prerequisite for the preparation of reports pertaining to applications for mineral tenements, blasting work approvals, complaints and accidents in mine or quarry.

In 2017, there were 2952 technical inspection were carried out. A total number of inspection during the year under review were 1098 on mining operations, 1597 on quarrying operations, 12 on exploration areas, 151 on amang factory (a tin mining by-product) and mineral processing plant operations and also 94 on mineral ores and raw gold licence holders.

In addition to the supervision of blasting works carried out in mine and quarry, the state JMG offices were also referred to by the Local Authorities for assistance in the evaluation and monitoring of blasting activities in areas undergoing development such as housing development, highway construction, station and shaft construction under MRT. A total of 163 blasting works for development projects were assessed and evaluated during the year.

Penerangan oleh wakil daripada pihak pemegang tenement mineral mengenai cadangan operasi perlombongan emas kepada pegawai-pegawai kerajaan.
A representative from the mineral tenement holder explained on the proposed gold mining operation to the government officers.

Kaedah '*Control Blasting*' digunakan dengan menutupi kawasan lubang letupan dengan jaring besi di Bukit Sekilau, Kuantan, Pahang.
Controlled blasting method is used by covering the blasting area with wire steel mesh at Bukit Sekilau, Kuantan, Pahang.

Pemantauan dan Kawalseliaan Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian

Matlamat utama pemantauan dan kawalselia yang dijalankan di lombong dan kuari adalah untuk memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dijalankan secara teratur, sistematik, mengikut amalan kejuruteraan terbaik dan mematuhi peruntukan perundangan dan peraturan. Aspek keselamatan operasi perlombongan adalah tertakluk di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM 1994) dan Enakmen atau Ordinan Perlombongan Negeri manakala bagi operasi kuari pula adalah tertakluk kepada Kaedah-kaedah Kuari Negeri.

Selain itu, terdapat lima peraturan di bawah APM 1994 yang telah digubal dan dikuatkuasakan, iaitu

- Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007
- Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan) 2013
- Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Keselamatan Semasa Penjelajahan dan Perlombongan Permukaan) 2015
- Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Pelesenan) 2016
- Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Effluen) 2016

Monitoring and Supervision of Mining and Quarrying Activities

The main goal of monitoring and supervising in mine and quarry was to ensure the mining and quarrying activity was carried out in an orderly, systematically, in accordance with the best engineering practices and complied with the relevant laws and regulations. The safety aspects of mining operation were governed by the Mineral Development Act 1994 (MDA 1994) and State Mining Enactments or Ordinances while quarry operation regulated by State Quarry Rules.

In addition, there are five regulations under MDA 1994, which have been gazetted and enforced, namely

- Mineral Development (Operational Mining Scheme, Plans and Record Books) Regulations 2007
- Mineral Development (Blasting) Regulations 2013
- Mineral Development (Safety in Exploration and Surface Mining) Regulations 2015
- Mineral Development (Licensing) Regulations 2016
- Mineral Development (Effluent) Regulations 2016

Operasi perlombongan dan pengkuarian pada lazimnya akan memberi impak kepada alam sekitar. Oleh itu, adalah penting operasi tersebut melaksanakan langkah secukupnya untuk menangani kemungkinan pencemaran terhadap air dan udara serta kesan gegaran bumi dan ledakan udara (bunyi) akibat kerja peletupan. Justeru itu bagi memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuariaan dijalankan dengan baik, kerja pemantauan berkala telah dilakukan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 315 persampelan efluen dan 333 kerja pemantauan gegaran dan peletupan telah dijalankan.

Pihak jabatan amat mengambil perhatian terhadap aduan pihak awam berkaitan operasi perlombongan dan pengkuarian. Sejumlah 95 aduan telah diterima dan disiasat manakala sebanyak 67 perintah dan arahan telah dikeluarkan kepada pengusaha.

Mine and quarry operations inevitably have an impact on the environment. Therefore, it is important for such operations to implement necessary measures to mitigate potential water and air pollution as well as the impact of ground vibration and air blast (noise) due to blasting. Therefore, to ensure that mine and quarry activities are carried out properly, schedule monitoring was conducted. In 2017, a total of 315 mine effluent samplings, as well as 333 monitoring exercises on vibration and blasts were undertaken by the department throughout the year.

Public complaints on mine and quarry operations are of concern to the department. There were 95 complaints received and investigated by department whilst 67 orders and instructions were issued to errant miners and quarry operators.

Pemantauan kerja peletupan kuari di Kuad Kuari Sdn. Bhd., Penanti, Pulau Pinang
Quarry blasting monitoring at Kuad Kuari Sdn. Bhd., Penanti Pulau Pinang

Pemantauan kelodak Sg. Mahang, Kulim, Kedah susulan aduan dalam akhbar
Suspended solid monitoring at Sg. Mahang Kedah due to complaint in newspaper

Pelesenan

Di bawah Akta Pembangunan Mineral (APM) 1994, pemegang pajakan melombong hendaklah mengemukakan dan mendapatkan kelulusan bagi suatu skim pengendalian melombong daripada Pengarah Galian sebelum sebarang operasi pembangunan dan perlombongan dilaksanakan. Pada tahun 2017, pihak jabatan telah meluluskan sejumlah 183 Skim Pengendalian Melombong di bawah APM 1994 dan 180 Surat Kebenaran Pengkuarian di bawah Kaedah-kaedah Kuari kepada pengusaha kuari di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Mineral dan Lesen Pembeli Emas yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Pelesenan) 2016 dan Enakmen Pembeli Emas Mentah membenarkan pemegangnya untuk membeli, menjual, menyimpan dan memproses bijih mineral dan emas mentah masing-masingnya. Sebanyak 134 Lesen Mineral / Lesen Memproses

Licensing

Under the Mineral Development Act (MDA) 1994, a mining lease holder needs to submit and obtain approval from the Director of Mines for an operational mining scheme before any development or mining commences. For the year 2017, the department approved a total of 183 Operational Mining Schemes under the MDA 1994 and issued 180 Letters of Authority to Quarry under the state Quarry Rules to quarry operators in Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu and Kelantan.

The Mineral Ores and Gold Buyers Licences issued under the Mineral Ores Enactment and Gold Buyers Enactment authorise licence holders to buy, sell, store, and treat mineral ores and raw gold respectively. A total of 134 Mineral Licences / Mineral Processing Licences and 2 Raw Gold Buyers Licences were issued in 2017. Apart from that the department also

Mineral dan 2 Lesen Pembeli Emas telah dikeluarkan sepanjang 2017. Selain itu pihak jabatan juga telah mengeluarkan sebanyak 5,370 Lesen Mengangkut Mineral untuk kegunaan pemegang lesen serta 201 Permit Mengangkut Bijih Padat Timah bagi tujuan mengangkut konsentrat timah dari lombong, kedai pembeli bijih atau loji pemprosesan amang ke kilang pelebur timah, Malaysia Smelting Corporation di Pulau Pinang.

issued a total of 5,370 Transport Mineral Licences for licence holders as well as 201 Tin Ore Concentrate Transport Permits for the purpose of transporting tin concentrates from the mines, tin ore dealers or amang processing plants to the tin smelter, Malaysia Smelting Corporation in Pulau Pinang.

Seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah-kaedah Kuari, semua operasi yang ditakrifkan sebagai kuari mesti diuruskan oleh seorang Pengurus Kuari. Mereka yang dilantik sebagai Pengurus Kuari mesti menunjukkan kecekapan beliau dengan melulusi ujian Pengurus Kuari yang dijalankan oleh Jabatan. Pada tahun 2017, sebanyak 10 ujian Pengurus Kuari telah dilaksanakan oleh Jabatan.

As stipulated in the Quarry Rules, all operations defined as quarries must be managed by a Quarry Manager. The person appointed as a Quarry Manager must demonstrate his competency by passing the department's Quarry Manager Test. In 2017, a total of 10 Quarry Manager Tests were conducted by the department.

Adalah menjadi objektif jabatan untuk memastikan semua kerja peletupan di lombong, kuari dan juga projek pembangunan di bawah kawal seliaan jabatan dijalankan dengan selamat. Justeru, jabatan telah menjalankan Peperiksaan Pembedil Amali kepada calon yang telah lulus Peperiksaan Pembedil Teori. Hanya calon yang lulus kedua-dua peperiksaan akan dikeluarkan Lesen Pembedil sebagai pembedil berkelayakan dan dibenarkan menjalankan kerja peletupan. Pada tahun 2017, pihak Jabatan telah menjalankan sebanyak 13 Peperiksaan Pembedil Amali, mengeluarkan sejumlah 62 Lesen Pembedil baru dan juga telah memperbaharui 540 Lesen kepada pemohon yang layak. Sehingga akhir tahun 2017, terdapat sejumlah 667 pemegang Lesen Pembedil di Malaysia.

It is the objective of the department to ensure that all blasting works in mines, quarries, and other development projects under the supervision of the department are carried out in a safe manner. Thus, the department conducted Shotfirer Practical Tests for candidates who had passed the Shotfirer Theory Examination. Only candidates who had passed both tests were issued Shotfirer Licence as qualified shotfirers and allowed to carry out blasting work. In 2017, the department conducted 13 Shotfirer Practical Examination and issued a total of 62 new Shotfirer Licence. The department also renewed 540 Licence to qualified applicants. As of the end of 2017, there were a total of 667 Shotfirer Licence holders in Malaysia.

Sebahagian mineral yang dihasilkan di negara ini dieksport ke luar negara. Bagi tujuan mengeksport bahan mineral dan batuan, pengeksport memerlukan permit eksport yang dikeluarkan oleh NRE. Satu laporan penilaian teknikal yang disediakan oleh JMG perlu disertakan untuk setiap permohonan. Pada tahun 2017, sebanyak 1,084 dan 1,606 laporan penilaian teknikal telah disediakan bagi eksport mineral dan bahan batuan masing-masing

Some of the minerals produced in the country are exported. For the purpose of exporting minerals and rock material, an exporter needs to have an export permit issued by the NRE. A technical assessment report prepared by JMG has to be attached to each application. In 2017, a total of 1,084 and 1,606 technical assessment reports were prepared for the export of minerals and rock material respectively.

Sesi temuduga permohonan baharu Lesen Mendulang Daerah Hulu Perak.
The interview session on new application of Panning License for the District of Hulu Perak.

Sesi Temuduga Calon-calon Ujian Amali Pembedil oleh JMG dan PDRM.
Interview session for shotfirer practical test candidate by JMG and PDRM.

05.05.2017
Taklimat operasi lombong kuari JMG Sarawak kepada Ketua Menteri Sarawak.
Briefing of JMG Sarawak mine and quarry operations to Sarawak Chief Minister.

Khidmat Nasihat dan Kepakaran

Selain daripada menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan operasi perlombongan / pengkuarian, jabatan juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat dan kepakaran kepada Pihak Berkuasa Negeri, industri dan juga orang awam. Sebagai sebuah jabatan teknikal, Pihak Berkuasa Negeri kerap merujuk permohonan-permohonan berkaitan tanah lombong, tapak kuari dan lain-lain bagi mendapatkan pandangan dan perakuan teknikal sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Pada tahun 2017, jabatan telah menyediakan sebanyak 357 laporan Perakuan Permohonan Carigali / Pajakan lombong. Manakala bagi permohonan tapak kuari, sebanyak 22 laporan teknikal telah disediakan kepada pihak berkuasa negeri.

Jabatan juga terlibat dengan 79 ulasan Laporan EIA dan 257 laporan teknikal lain yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Selain itu, sebanyak 168 Laporan Pembebasan Mineral telah disediakan dalam tahun 2017. Di samping itu pihak jabatan juga menerima sebanyak 1,617 pertanyaan berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian.

Advisory and Expertise Services

Apart from the enforcement and monitoring of the mining/ quarrying operations, the department's duties include the rendering of advisory technical services to the State Authorities, industry, and also to the public. Being a technical department, the State Authorities frequently refer to this department for comments and assessment on applications for mining land, quarries and other legal aspects before any decision were taken.

In 2017, the department prepared a total of 357 reports on applications for prospecting licence / mining rights. With regard to applications for quarry, 22 technical reports were prepared and sent to various State Authorities.

The department also was involved in 79 EIA Report evaluations and 257 other technical reports in relation to mining and quarrying. In addition, there was 168 Mineral Clearance Reports were prepared in 2017. Apart from that the department also received total of 1,617 enquiries on mining and quarrying activities.

Shot-Firer Refresher Course di Forest City, Nusajaya, Johor.
Shot-Firer Refresher Course Participants of Forest City, Nusajaya, Johor.

Aktiviti-aktiviti lain

